

08/01/2000

Program khas bina sikap positif peniaga Bumiputera

Wan Sabariah Shikh Ali

KEMENTERIAN Pembangunan Usahawan akan memperkenalkan program khas yang menumpukan kepada usaha pembangunan dan perubahan mental ahli perniagaan Bumiputera.

Menterinya, Datuk Mohamed Nazri Aziz berkata, program ala Biro Tatanegara itu bertujuan membina sikap positif dan ketahanan jiwa ahli perniagaan.

Dalam satu pertemuan dengan Berita Harian di Kuala Lumpur, selepas beberapa hari mengambil alih kementerian itu, baru-baru ini, Nazri berkata: "Bagi saya, jika diminta memberikan satu unsur yang paling penting dalam diri seseorang usahawan, saya berpendapat unsur itu ialah ketahanan diri.

"Oleh kerana tidak ada ketahanan, usahawan Bumiputera banyak bermasalah kegawatan ekonomi baru-baru ini.

"Tetapi untuk menjadi usahawan, bukan satu unsur saja yang perlu ada, unsur lain ialah tahu mengurus kewangan syarikat, tidak menipu bank, menyimpan sewaktu ada supaya tidak tersungkur ketika kegawatan".

Nazri berkata, masalah dengan peniaga Bumiputera ialah walau apa sekalipun program baik yang dirancang oleh kerajaan, sikap dan tanggapan mereka kurang positif.

"Walaupun diberi bimbingan usahawan dan disediakan pembiayaan, ia tidak kekal lama, bocor, seperti mencurahkan air ke daun keladi.

"Memang kerajaan perlu membantu usahawan Bumiputera, tetapi sikap kita terhadap bantuan itu sepatutnya ialah sebagai galakan supaya lebih gigih, bukannya beranggapan walau apapun keadaannya, kerajaan akan bantu.

Sikap inilah yang menjadi masalah," katanya.

Sehubungan itu, Nazri berkata, cabaran utama baginya apabila diberi kepercayaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menerajui kementerian itu ialah mencari jalan bagaimana melentur usahawan alaf baru supaya faham budaya perniagaan.

"Ahli perniagaan, perlu bekerja keras, rajin, bersungguh-sungguh dan tekun dalam mengendalikan pekerjaan. Tidak mudah dipengaruhi kepentingan material sementara. Ini yang nampak selalu diutamakan daripada yang lain," katanya.

Selain program khas itu, beliau berkata, Program payung dan vendor yang dijalankan seperti kontraktor kelas A menjadi payung kepada kontraktor kelas rendah seperti F, akan diteruskan.

Beliau juga meminta kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) supaya apabila mereka merancang lawatan ke negeri, memberi kesempatan kepadanya turut serta untuk berjumpa dengan usahawan dan kontraktor di negeri.

(END)